

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)**

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah pecahan kepala **210100 (Peralatan dan Kelengkapan Komputer)** bagi menyertai tender berikut:

| NO. TENDER | TAJUK | KOD BIDANG PENDAFTARAN |
|-------------------------------------|--|--|
| MAMPU/BEKALAN & PERKHIDMATAN/5/2007 | TENDER TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL, MIGRATE, TEST, COMMISSION AND MAINTAIN THE HARDWARE AND SOFTWARE OF THE PUBLIC SERVICE PORTAL (PSP) PHASE III TO MAMPU, PRIME MINISTER'S DEPARTMENT, FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE, PUTRAJAYA | 210101 210102 210103 210104 210105 210106 |

Dokumen Tender boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **01.11.2007 (Khamis) hingga 21.11.2007 (Rabu)** di Ibu Pejabat Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya dengan menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Tender.

Dokumen Tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang (*Money Order*) / Bank Draf / Wang Pos atas nama Ketua Pengarah MAMPU. Wang Tunai/Cek tidak diterima. **Softcopy** juga boleh dibeli dengan bayaran tambahan sebanyak **RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja)** dalam bentuk pembayaran seperti yang dinyatakan di atas.

Satu sesi taklimat tender akan diadakan pada **6 November 2007 (Selasa)** bertempat di **Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, Blok B2, Kompleks JPM, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya**. Kehadiran dihadkan kepada **2 orang wakil sahaja bagi setiap syarikat** dan kehadiran hendaklah disahkan dengan mengembackkan borang kehadiran seperti di dalam Appendix J (dalam dokumen tender) **sebelum atau pada 5 November 2007**.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di **Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya** sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari, 21.11.2007 (Rabu)**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.